Experts

HidroGreens: Transformasi Keusahawanan Sosial Melalui Tanaman Cendawan

Fri, 03/07/2025 - 12:19

Keusahawanan sosial memainkan peranan penting dalam mencapai pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan. Projek tanaman cendawan yang diusahakan oleh syarikat pelajar bukan sahaja membentuk generasi muda yang celik keusahawanan tetapi juga sejajar dengan dasar kerajaan serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dalam usaha memperkukuh ekosistem keusahawanan, Malaysia telah memperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang bertujuan membangunkan persekitaran keusahawanan yang progresif dan berdaya saing. Salah satu objektif utama dasar ini ialah menggalakkan keusahawanan sosial dan inklusif - seiring dengan matlamat projek syarikat pelajar dalam tanaman cendawan. Antara elemen dalam DKN 2030 yang relevan dengan projek ini termasuk pemerkasaan keusahawanan pada peringkat pendidikan, sokongan kepada perniagaan berimpak sosial serta pembangunan industri pertanian moden. Projek ini turut menyokong agenda Ekonomi MADANI yang menekankan pembangunan sosioekonomi seimbang serta memperkukuh keusahawanan sosial dalam kalangan belia.



Dari sudut kelestarian, projek tanaman cendawan ini menyumbang secara langsung kepada beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

- SDG 1: Tiada Kemiskinan – Membantu pelajar menjana pendapatan serta membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat terutamanya golongan B40.
- SDG 2: Kelaparan Sifar – Menyumbangkan sebahagian hasil tanaman kepada golongan memerlukan sekali gus meningkatkan keselamatan makanan dalam komuniti.
- SDG 4: Pendidikan Berkualiti – Memberikan pelajar pengalaman praktikal tentang perniagaan, pertanian moden, dan tanggungjawab sosial yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.
- SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi – Meningkatkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar serta menyediakan mereka dengan kemahiran yang relevan untuk masa depan.
- SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab – Menggalakkan pertanian mampan dengan penggunaan sumber secara cekap dan mesra alam.

HidroGreens, sebuah syarikat pelajar yang dibimbing oleh pensyarah Fakulti Teknologi Sains dan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Profesor Madya Dr. Tan Suat Hian dan Pensyarah Fakulti Pengurusan Industri, Dr. Rusnifaezah Musa telah menjalin kolaborasi dengan PayNet dan Fefifo bagi merealisasikan projek tanaman cendawan untuk pelajar dari golongan B40. Projek ini bertujuan menyediakan peluang keusahawanan dan meningkatkan keterampilan pelajar dalam sektor pertanian moden.

Projek telah dibiayai oleh University Social Enterprise Competition (USEC) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan penyelarasan oleh Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti

Malaysia (MAKMUM), projek ini merupakan langkah strategik dalam membentuk usahawan muda yang berdaya saing serta berorientasikan kelestarian pertanian.

Objektif utama projek ini adalah:

1. Memberikan latihan dan pengalaman praktikal kepada pelajar B40 dalam bidang pertanian moden.
2. Mewujudkan sumber pendapatan sampingan kepada pelajar melalui hasil tanaman cendawan.
3. Memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.
4. Menggalakkan penggunaan teknologi pertanian terkini dalam kalangan pelajar.
5. Menyokong agenda keselamatan makanan dan pertanian lestari di Malaysia.



Kolaborasi ini melibatkan penggunaan sistem penanaman cendawan moden dan efisien. Dengan kepakaran dari PayNet dan Fefifo, pelajar diberi latihan dalam pengendalian dan pengurusan ladang cendawan, termasuk teknologi IoT dan kaedah penanaman mesra alam. Selain itu, latihan dalam aspek pemasaran dan pengurusan perniagaan turut diberikan bagi memastikan kejayaan jangka panjang projek ini.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan Kreatif UMPSA, Dr. Omar melihat potensi HidroGreens untuk berkembang sebagai inkubator-agro di UMPSA. Dengan kejayaan projek ini, bukan sahaja pelajar B40 mendapat manfaat, malah ia membuka peluang untuk UMPSA menjadi hab pertanian moden yang inovatif dan mampan.

Kolaborasi ini merupakan langkah proaktif dalam menggalakkan pembangunan keusahawanan sosial di kalangan pelajar. Dengan bimbingan tenaga akademik, sokongan industri dan pendanaan

yang kukuh, projek tanaman cendawan ini mampu menjadi model kejayaan dalam sektor pertanian moden. Pelajar bukan sahaja memperoleh kemahiran keusahawanan, tetapi juga berpeluang menjadi ejen perubahan dalam masyarakat, sekali gus mewujudkan ekosistem keusahawanan yang lebih lestari dan inklusif untuk masa depan negara.





Dr. Rusnifaezah Musa

Ketua Program (Keusahawanan) Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
E-mel: rusnifaezahmusa@umpsa.edu.my



Halizan Mohmood

Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
E-mel: izan@umpsa.edu.my

- 303 views

View PDF